

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN SIMPANAN

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am dan Khusus yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan dengan Bank.

Terma dan Syarat Am

1. Pembukaan Akaun

- 1.1 Saya/Kami dibenarkan untuk membuka rekod pelanggan dan/atau akaun pelanggan dan dengan ini memberi butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun tersebut dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank mengenai apa-apa perubahan pada butir-butir peribadi saya/kami.
- 1.2 Saya/Kami mengaku bahawa saya/kami boleh memohon Akaun Simpanan dengan buku simpanan atau Akaun Simpanan tanpa buku (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Simpanan Berpenyata"). Saya/Kami boleh menukar Akaun Simpanan saya/kami dengan buku kepada Akaun Simpanan Berpenyata tertakluk pada kelulusan Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.
- 1.3 Bagi Akaun Simpanan Berpenyata, buku tidak akan dikeluarkan dan e-Penyata boleh diakses melalui Perbankan Dalam Talian (PBe).

2. Deposit Dan Pengeluaran Wang

- 2.1 Bank berhak untuk menetapkan dan mengubah dari semasa ke semasa deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun ini, amaun minimum yang didepositkan atau amaun minimum yang dikeluarkan pada satu-satu masa dan baki minimum yang mesti disimpan di dalam akaun.
- 2.2 Walaupun perolehan daripada apa-apa cek atau instrumen boleh niaga yang didepositkan ke dalam akaun ditunjukkan sebagai kredit serta-merta, perolehan daripada instrumen berkenaan hanya boleh digunakan apabila perolehan tersebut telah dibayar oleh bank pembayar dan dikreditkan ke dalam akaun. Sekiranya instrumen itu tidak laku atau terdapat pertikaian atau apa-apa tuntutan yang merugikan terhadap instrumen tersebut, saya/kami akan dipertanggungjawabkan untuk penyelesaiannya dan Bank berhak untuk mendebit akaun tersebut bagi jumlah butiran yang dipulangkan dan untuk apa-apa caj yang ditanggung.
- 2.3 Saya/Kami boleh mengeluarkan wang daripada akaun sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak semula dari semasa ke semasa dan tertakluk pada baki yang terdapat di dalam akaun. Akaun ini akan dianggap ditutup apabila kesemua baki yang ada di dalam akaun dikeluarkan atau disebabkan oleh peruntukan undang-undang atau mengikut butiran 9.1 di dalam ini.
- 2.4 Pengeluaran boleh dibuat oleh saya/kami sendiri atau oleh 'Wakil yang Diberi Kuasa dengan Sewajarnya' oleh saya/kami seperti yang berikut:-
 - 2.4.1 Bagi Akaun Simpanan dengan buku simpanan, apabila buku simpanan yang tidak boleh dipindah milik itu berserta slip urus niaga pengeluaran yang diisi dengan sewajarnya dan pengenalan diri yang boleh diterima oleh Bank dikemukakan; atau
 - 2.4.2 Bagi Akaun Simpanan Berpenyata, dengan mengisi slip urus niaga pengeluaran dan mengemukakan pengenalan diri yang boleh diterima oleh Bank.

Seorang 'Wakil yang Diberi Kuasa dengan Sewajarnya' mesti memiliki Surat Kuasa Wakil daripada saya/kami yang didaftarkan dengan Bank. Surat tidak boleh dianggap sebagai pemberian kuasa yang sama dengan Surat Kuasa Wakil. CEK TIDAK BOLEH DIKELUARKAN DARIPADA AKAUN SIMPANAN.

3. Buku Simpanan

- 3.1 Amaun bagi urus niaga deposit dan pengeluaran akan dimasukkan dalam buku simpanan saya/kami. Saya/Kami perlu menyemak buku simpanan sebelum meninggalkan premis Bank bagi memastikan masukan yang betul telah dibuat.
- 3.2 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank apabila buku simpanan dikemukakan adalah seolah-olah dibuat kepada saya/kami sendiri. Bank akan ditanggung rugi dan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh saya/kami atau mana-mana pihak lain bagi pembayaran yang dibuat oleh Bank.
- 3.3 Saya/Kami akan menyimpan buku simpanan di tempat yang selamat. Jika buku simpanan itu hilang, saya/kami hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta secara bertulis atau datang sendiri ke Bank. Apabila Bank menerima pemberitahuan secara bertulis, Bank akan membekukan akaun berkenaan. Saya/Kami akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami sekiranya berlaku apa-apa pengeluaran yang tidak sah atau tanpa izin daripada akaun bagi sebelum Bank menerima pengesahan secara bertulis atau pemberitahuan daripada saya/kami sendiri mengenai kehilangan buku simpanan tersebut, sama ada ia disebabkan oleh kecuaiannya saya/kami atau sebaliknya. Bank akan mengenakan caj bagi setiap pengeluaran buku simpanan gantian dengan syarat saya/kami menandatangani borang tanggung rugi Bank yang biasa.

*Nota: Pendeposit bererti pelanggan dalam konteks dokumen ini.

4. **Penyata**

- 4.1 Satu e-Penyata melalui PBe disediakan setiap bulan atau pada kekerapan yang akan ditentukan oleh Bank. Saya/Kami mestilah menjadi pengguna Perkhidmatan PBe yang berdaftar dan telah mendaftar bagi Perkhidmatan e-Penyata yang mana saya/kami boleh memuat turun penyata akaun dalam bentuk elektronik melalui laman web tersebut.
- 4.1.1 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji untuk memeriksa dengan teliti masukan dalam e-Penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat di dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh e-Penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan masukan debit atau kredit dalam e-Penyata, saya/kami dianggap telah menerima masukan sedemikian yang dibuat sehingga tarikh masukan terakhir dalam e-Penyata sebagai betul, mengikat, muktamad dan konklusif dan dengan itu, mengakui semua pengeluaran atau debit lain ke dalam akaun tersebut sebagai betul.
- 4.1.2 Saya/Kami tidak akan selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar itu mempertikaikan apa-apa butiran dalam e-Penyata itu bagi apa-apa juga sebab tertakluk sentiasa bahawa Bank mempunyai hak mutlak untuk membalikkan apa-apa butiran yang dikreditkan secara silap ke dalam akaun saya/kami. Seterusnya saya/kami mengaku janji untuk membayar balik segala catatan yang tersilap dikreditkan ke dalam akaun saya/kami dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung disebabkan oleh catatan kredit yang dikreditkan secara silap itu.
- 4.2 Saya/Kami mungkin meminta penyata fizikal yang berikut:-
- 4.2.1 Bagi Akaun Simpanan dengan Kad Debit PB Lifestyle, saya/kami mungkin memerlukan penyata fizikal untuk dihantar ke alamat saya/kami yang terakhir didaftarkan dengan Bank tertakluk pada caj-caj semasa Bank yang berkaitan.
- 4.2.2 Tiada penyata fizikal diberi bagi Akaun Simpanan Penyata.
- 4.2.3 Saya/Kami mungkin meminta penyata fizikal ad-hoc di kaunter tertakluk pada caj-caj semasa Bank yang berkaitan.

5. **Faedah**

- 5.1 Faedah, jika ada, akan dikira atas baki harian di dalam akaun pada kadar faedah semasa dan akan dikreditkan ke dalam akaun pada sela waktu yang Bank akan tentukan mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa. Faedah yang dibayar tertakluk pada cukai tertahan atau apa-apa cukai, levi atau bayaran lain yang mungkin dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa.
- 5.2 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa untuk menyemak semula kadar faedah bagi akaun ini selepas memberi notis dalam akhbar tempatan atau mempamerkan kadar yang disemak semula itu di premis Bank.

6. **Liabiliti**

- 6.1 Sekiranya terdapat mana-mana cek, draf, wang pos dan kiriman wang, dll. saya/kami yang hilang, tersalah letak, dirosakkan atau dimusnahkan semasa urusan pungutan biasa Bank, dengan ini saya/kami bersetuju bahawa saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang saya/kami mungkin alami, tanggung atau dipertanggungjawabkan berikutan berlakunya kejadian sedemikian.
- 6.2 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak saya/kami atau atas permohonan saya/kami, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik saya/kami yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank mempunyai hak untuk menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga demikian yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menolak cek-cek saya/kami sehingga liabiliti diselesaikan.
- 6.3 Dengan ini, saya/kami memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia menurut arahan mereka dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang bona fide. Dengan berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada apa juga tanggungjawab atau liabiliti.
- 6.4 Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguamcara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan akaun saya/kami, saya/kami bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 6.5 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan saya/kami akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank saya/kami atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau rasmi.
- 6.6 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang saya/kami alami, seandainya Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh saya/kami yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiannya saya/kami, permusuhan, terputus bekalan elektrik atau perhubungan atau sistem rangkaian telekomunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin dan peralatan.

6.7 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak saya/kami atau wakil yang dibenarkan oleh saya/kami, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada saya/kami dan mana-mana pihak yang berkenaan.

7. Hak Untuk Mendebit Akaun

7.1 Saya/Kami, dengan ini bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit akaun ini bagi apa-apa draf, wang pos dan kiriman pos atau apa-apa instrumen atau untuk apa-apa caj/perbelanjaan yang dikenakan berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain, atau untuk caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau cukai lain yang berkenaan yang dikenakan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh saya/kami.

8. Hak Untuk Menolak Selesai

8.1 Saya/Kami bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan dengan dan liabiliti kepada Bank dalam mana juga ia berada dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam Akaun Simpanan ini untuk membayar apa-apa liabiliti kami kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, pada masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersesama.

8.2 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan penukaran satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, penukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank) untuk pembelian mata wang yang saya/kami dipertanggungjawabkan dengan mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya di dalam ini.

9. Penutupan Akaun

9.1 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa untuk menutup akaun ini atas apa juga sebab, tanpa apa-apa obligasi untuk memberi apa-apa sebab, dengan memberi notis selama empat belas (14) hari kepada Pendeposit. Bank boleh mengeluarkan Cek Jurubank bagi keseluruhan baki yang ada di dalam akaun, dan ditolak kos pentadbiran sedemikian atas kos lain yang ditanggung oleh Bank dan boleh mengesposnya ke alamat terakhir Pendeposit yang berdaftar dengan Bank.

10. Penggantungan Akaun

10.1 Hubungan kontraktual antara saya/kami dengan Bank akan ditamatkan dan pengendalian akaun saya/kami akan ditamatkan di bawah keadaan yang berikut:-

10.1.1 Kematian, hilang akal atau bankrap; dan/atau

10.1.2 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap akaun saya/kami.

11. Akaun Orang Di bawah Umur

11.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa akaun ini bukan akaun amanah mahupun akaun bersama dengan orang di bawah umur. Saya/Kami ialah penjaga/ibu bapa kepada pemegang akaun orang di bawah umur dan bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami adalah pendeposit Bank.

11.2 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, saya/kami bersama-sama dengan orang di bawah umur itu akan bersama-sama memberi arahan baharu dan memberi mandat bagi pengendalian akaun berkenaan. Sehingga mandat baharu diterima oleh pihak Bank, mandat sedia ada bagi pengendalian akaun tersebut akan terus berkuat kuasa.

11.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang di bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, akaun tersebut akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan akaun tersebut hendaklah dirujuk kepada Wasi/Pentadbir Harta Pusaka saya/kami. Pihak Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undang. Kos dan perbelanjaan yang ditanggung akan didebitkan daripada akaun tersebut.

11.4 Sekiranya saya/kami atau orang di bawah umur beragama Islam, akaun tersebut tertakluk pada Syariah.

12. Akaun Bersama

12.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, pihak Bank dibenarkan untuk membayar baki yang ada dalam kredit akaun ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada akaun ini.

12.2 Kami bersetuju dengan cara akaun dikendalikan seperti yang ditetapkan di dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang ditandatangani oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi bagi pengendalian akaun ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk bertindak atas arahan yang sama. Dalam keadaan sedemikian, Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun tersebut sehingga mandat baharu diterima daripada kami.

- 12.3 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju dan membenarkan Bank:-
- 12.3.1 Untuk mengkreditkan dana ke dalam Akaun Bersama sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan elektronik, cek dan instrumen boleh niaga kepunyaan atau yang boleh dibayar kepada salah seorang/mana-mana daripada kami. Sebagai balasan terhadap perkara di atas dan oleh sebab Bank bersetuju untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh Bank sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau daripada cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama salah seorang/mana-mana daripada kami untuk dikreditkan ke dalam akaun bersama dan untuk menghantar apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang untuk akaun bersama kepada salah seorang/mana-mana daripada kami; dan
- 12.3.2 Untuk menerima notis bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dan dikemukakan dengan sewajarnya oleh kami semua mengenai hasrat untuk menutup Akaun Bersama. Sekiranya kami tidak hadir di Bank, kami bersetuju bahawa Bank hendaklah menutup Akaun Bersama itu selepas menerima notis bertulis yang diserahkan sendiri kepada Bank oleh salah seorang daripada kami. Selanjutnya, kami bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama itu, yang dinyatakan secara lisan atau menerusi telefon, faksimile atau e-mel internet, tidak diterima oleh Bank.

Kami secara bersetia dan berasingan mengaku janji untuk tidak memudaratkan Bank dan terus menanggung rugi Bank bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti-liabiliti lain apa juga pun dan bila-bila masa juga pun yang ditanggung atau berikutan daripada kebenaran di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara Bank atau apa juga sebab apa-apa wang, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen boleh niaga lain yang diterima, atau disebabkan oleh keengganan Bank untuk bertindak atau bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama dan membayar baki dalam Akaun Bersama tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh kami.

- 12.4 Sekiranya salah seorang daripada kami beragama Islam, akaun tersebut tertakluk pada Syariah.

13. Akaun Luar

- 13.1 Sesuatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu seseorang, firma, institusi atau syarikat yang bukan pemastautin).
- 13.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.
- 13.3 Sumber dan penggunaan dana dalam Akaun Luar adalah tertakluk pada peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

14. Cap Getah

- 14.1 Cetak cap getah persatuan/kelab/pertubuhan mesti diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun tersebut.

15. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 15.1 Deposit yang disenggara oleh saya/kami dalam Akaun ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 bagi setiap pendeposit*.
- 15.2 Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans saya/kami tidak lagi dilindungi oleh PIDM:-
- 15.2.1 Jika tujuannya adalah bagi pembelian unit dalam skim unit amanah/pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji/pembukaan skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional, dll.
- 15.2.2 Jika dipindahkan kepada:-
- (a) Akaun deposit yang boleh dibayar di luar Malaysia;
 - (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
 - (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM;
 - (d) Akaun bukan deposit (misalnya skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, dll.); atau
 - (e) Akaun deposit tidak berinsurans (misalnya Akaun Pelaburan Emas, Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit, dll.).

*Nota: Pendeposit bererti pelanggan dalam konteks dokumen ini.

16. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Garis Panduan BNM Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

- 16.1 Saya/Kami memahami dan mengesahkan bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan ("APK") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai urusan saya/kami, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka dan dengan ini saya/kami memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberikan maklumat berkaitan kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara mutlakannya anggap perlu atau wajar bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka. Dengan berbuat demikian, saya/kami bersetuju bahawa Bank hendaklah dibebaskan daripada apa-apa juga tanggungjawab atau liabiliti.

17. **Notis Perlindungan Data dan Keizinan**

- 17.1 Saya/Kami maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperoleh daripada mana-mana cawangan Bank.
- 17.2 Saya/Kami juga maklum mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada saya/kami mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat-syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.
- 17.3 Saya/Kami memahami bahawa saya/kami berhak untuk mendapat akses kepada dan untuk memohon agar pembetulan dibuat pada maklumat peribadi saya/kami yang ada pada Bank dan bahawa saya/kami boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami bagi tujuan yang dinyatakan dalam perkara 17.2 di atas dan bahawa permintaan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun saya/kami atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

18. **Akta Wang Tidak Dituntut 1965**

- 18.1 Saya/Kami maklum mengenai peruntukan mengenai Akta Wang Tidak Dituntut 1965, dalam mana akaun deposit saya/kami akan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut selama tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dikendalikan oleh saya/kami, dan dengan itu dana di dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
- 18.2 Saya/Kami bersetuju untuk pergi sendiri ke Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun yang tersebut di atas untuk membuat urus niaga pengeluaran atau penempatan untuk mengaktifkan semula akaun tersebut. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju dengan permohonan saya/kami, saya/kami bersetuju dan mengaku janji untuk tidak mempertanggungjawabkan dan menanggung rugi pihak Bank untuk semua liabiliti bagi apa-apa kelewatan/ketinggalan/kesilapan dalam melaksanakan arahan-arahan saya/kami yang tersebut di atas.
- 18.3 Sekiranya saya/kami gagal untuk mengaktifkan semula akaun tersebut, saya/kami maklum bahawa Bank akan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum memindahkan dana dalam akaun tersebut kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

19. **Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**

- 19.1 “**CRS**” ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Public Bank Berhad dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya termasuk subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan dan cawangan (Kumpulan PBB), mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 19.2 “**FATCA**” ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.

Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada semua pelanggan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.

- 19.3 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya/kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalanpastian cukai peribadi, pemilikan syarikat dsbnya. Saya/Kami akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.
- 19.4 Dengan ini saya/kami secara khusus mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian saya/kami bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.
- 19.5 Dengan ini saya/kami mengesahkan bahawa:-
- 19.5.1 Saya/Kami akan mematuhi semua kewajipan saya/kami di bawah perkara 19.3 dan 19.4 di atas;
- 19.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 19.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.

- 19.6 Dengan ini saya/kami mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod saya/kami dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB mana yang berkenaan berhak untuk melaksanakan yang berikut:-
- 19.6.1 Menutup akaun saya/kami dengan Bank dan apa-apa akaun yang saya/kami ada dengan Kumpulan PBB;
- 19.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu, mana yang berkenaan, kepada saya/kami; dan
- 19.6.3 Memberi maklumat akaun saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan.
- 19.7 Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan saya/kami di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

20. Kad Debit PB Lifestyle (Pemohon Individu Sahaja)

- 20.1 Saya/Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap dan membenarkan Bank untuk mengesahkan daripada apa-apa sahaja sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri dan seterusnya untuk cuba memperoleh dan mendapatkan maklumat kredit berkaitan dengan permohonan saya/kami ini daripada mana-mana sumber dan dengan apa juga cara yang Bank anggap wajar. Saya/Kami mengakui bahawa kad saya/kami itu hanya boleh digunakan tertakluk pada Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad Debit PB Lifestyle dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syaratnya. Saya/Kami bersetuju untuk membayar fi tahunan semasa apabila kad diluluskan dan akan menerima liabiliti bersesama dan berasingan bagi semua caj pada Akaun (Akaun-akaun) saya/kami dengan Bank. Bank mempunyai hak mutlak untuk melulus atau menolak permohonan saya/kami seperti yang Bank anggap wajar tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 20.2 Saya/Kami mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle adalah mengikat ke atas saya/kami.
- 20.3 Sekiranya saya/kami perlu menutup akaun saya/kami atau berlakunya apa-apa perubahan dalam apa juga bentuk lain, dengan ini saya/kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera dan memulangkan dengan segera Kad Debit PB Lifestyle kepada cawangan yang mengeluarkan kad untuk pembatalan/penamatan serta-merta.
- 20.4 Sekiranya saya/kami gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan terhadap cara pengendalian akaun saya/kami, saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh saya/kami dan saya/kami mengaku janji bahawa saya/kami akan, pada setiap masa selepas itu, menanggung rugi Bank (pemegang hak milik yang kemudiannya dan penerima serah haknya) sepenuhnya dan terus menanggung rugi Bank bagi semua liabiliti berkaitan dengannya dan bagi semua tindakan saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, ganti rugi dan apa juga perbelanjaan lain yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank atau yang ditanggung oleh Bank berikutan daripadanya.

21. Pemberitahuan Mengenai Penggunaan Kad Debit PB Lifestyle

- 21.1 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila saya/kami menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami di rangkaian perniagaan runcit, sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah pembelian yang terkumpul akan dipegang daripada Akaun Simpanan PBB saya/kami sehingga urusan niaga tersebut dijelaskan oleh Bank.
- 21.2 Saya/Kami akan memastikan baki yang ada dalam Akaun Simpanan PBB saya/kami mencukupi untuk menampung pembelian yang hendak dibuat dengan menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami.
- 21.3 Had Pembelian Runcit harian ditetapkan sebanyak RM3,000.00 untuk setiap kad dalam sehari. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menetapkan had pembelian runcit daripada RM0.00 kepada RM10,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) melalui mana-mana ATM Bank.
- 21.4 Saya/Kami maklum bahawa had Pengeluaran Tunai harian ATM ditetapkan sebanyak RM5,000.00 untuk setiap kad dalam sehari. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menetapkan had pengeluaran daripada RM1,000.00 kepada RM5,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) di mana-mana ATM Bank.
- 21.5 Sebelum membuat apa-apa urusan niaga pengeluaran wang tunai melalui ATM di luar negeri, saya/kami akan memastikan bahawa pengaktifan kad dilaksanakan melalui mesin ATM Bank atau saya/kami akan menghubungi 603-2179 5000/603-2176 8111.
- 21.6 Urusan niaga bagi "Tanpa Kad" dan "Urus niaga Runcit di Luar negeri" secara automatik tidak boleh dibuat jika had yang dikehendaki tidak ditetapkan bagi Kad Debit PB Lifestyle. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk membolehkan urusan niaga dibuat atau kemudiannya tidak membolehkan urusan niaga dibuat melalui mana-mana ATM/CRM Bank.
- 21.7 Had terkumpul Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless/UnionPay QuickPass bagi urusan niaga tanpa PIN ditetapkan pada RM500.00 bagi setiap kad jika saya/kami tidak menetapkan had yang saya/kami kehendaki. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menentukan had terkumpul Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless/UnionPay QuickPass tersebut dari RM0.00 kepada RM500.00 (dalam gandaan RM10.00) melalui mana-mana ATM/CRM Public Bank/Public Islamic Bank Berhad. Saya/Kami dikehendaki membuat urusan niaga dengan memasukkan PIN untuk menetapkan semula had terkumpul tersebut apabila Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless/UnionPay QuickPass saya/kami mencapai had terkumpulnya.

22. Perkhidmatan PBe

- 22.1 Individu yang memohon perkhidmatan PBe mesti berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 22.2 Dengan ini saya/kami bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan pada setiap masa melindungi Bank sepenuhnya daripada dan terhadap semua tuntutan dan permintaan, tindakan dan prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman seperti antara peguamcara dengan pelanggan dan semua liabiliti lain dalam apa juga bentuk yang mungkin dibuat atau diambil atau dialami atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara berikutan daripada kuasa yang diberi oleh saya/kami. Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa liabiliti saya/kami adalah liabiliti berlanjutan dan akan terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, sekiranya ada, dilaksanakan sepenuhnya mengikut kehendak Bank. Saya/Kami telah membaca dan memahami Terma dan Syarat mengenai akses Perkhidmatan PBe tersebut dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat ke atas saya/kami. Dengan ini, saya/kami mengakui bahawa tiada apa-apa perubahan kepada mandat saya/kami bagi pengendalian akaun kepada Bank.

23. Notis dan Komunikasi

- 23.1 Saya/Kami akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dianggap sebagai telah dihantar kepada saya/kami.
- 23.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami hendaklah secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh saya/kami.
- 23.3 Bank berhak dari semasa ke semasa untuk mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan melalui laman web Bank.

24. Perakuan

- 24.1 Saya/Kami dikehendaki menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang dilampirkan yang kemudiannya akan menjadi sebagai sebahagian daripada Peraturan-peraturan ini.

25. Lain-Lain

- 25.1 Saya/Kami mengaku bahawa sebelum atau pada waktu akaun dibuka, saya/kami tidak:-
- 25.1.1 Melakukan apa-apa tindakan kemuflihan; dan/atau
- 25.1.2 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat atau dikemukakan terhadap saya/kami.
- Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami melanggar mana-mana yang tersebut di atas, Bank mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk menutup akaun ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- 25.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menurunkan cap getah organisasi tersebut, saya/kami mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini, Notis Mandat (sekiranya ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan apa-apa pindaan atau perubahan ke atasnya yang Bank mungkin perkenalkan kemudiannya, semak, ubah atau ganti kemudiannya yang boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu melalui apa juga cara yang Bank anggap sesuai.
- 25.3 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan menyenggara operasi akaun (akaun-akaun) saya/kami selepas tarikh kuat kuasa pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami dianggap sebagai telah menerima pindaan dalam Terma dan Syarat yang hendaklah mengikat dan konklusif bagi saya/kami.
- 25.4 Dengan ini, saya/kami bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pemungut bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen-instrumen lain yang dikemukakan oleh saya/kami yang dibuat secara pernyataan dalam setiap kes untuk kredit akaun saya/kami.
- 25.5 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji:-
- 25.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti laluan (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan
- 25.5.2 Untuk memeriksa semua notifikasi berkenaan urusan niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditentukan secara tetap, untuk mengesan urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.

- 25.6 Selanjutnya, saya/kami mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkannya dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang ditemui dalam mana-mana penyata atau entri. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa maklumat secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan entri debit atau entri kredit dalam penyata tersebut, saya/kami akan dianggap sebagai telah menerima entri berkenaan yang dibuat sehingga tarikh akhir entri dalam penyata tersebut sebagai betul, muktamad dan konklusif dan, dengan itu, menerima kesemua pengeluaran atau debit lain kepada akaun di dalam ini.
- 25.7 Dengan ini, saya/kami memberi kuasa yang tidak boleh batal kepada Bank untuk mengendalikan rekod Bank bagi apa-apa urusan niaga yang dilaksanakan melalui akaun tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa urusan niaga yang dikatakan dilaksanakan melalui arahan melalui pos, telefon, internet dan terminal layan diri daripada mana-mana sumber oleh saya/kami sebagai bukti urusan niaga yang dibuat dengan sempurna oleh saya/kami dan untuk mendebit akaun tersebut bagi pembayaran urusan niaga tersebut walaupun urusan niaga berkenaan mungkin tidak diberi kuasa oleh saya/kami dan seterusnya pemberian kuasa sedemikian atau rekod untuk mendebit akaun seperti yang dinyatakan di atas mungkin tidak mempunyai tandatangan saya/kami.
- 25.8 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa:-
- 25.8.1 Untuk mengubah, meminda atau menyemak apa-apa Terma dan Syarat di dalam ini, ciri-ciri dan manfaat akaun tersebut dengan memberi saya/kami notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan pindaan dan ciri-ciri serta manfaat baharu tersebut di premis Bank dan melalui laman web Bank tanpa perlu memberi apa-apa sebab untuknya;
- 25.8.2 Untuk menghalang pengendalian ke atas akaun ini, jika Bank mengesyaki bahawa akaun tersebut digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 25.9 Terma dan syarat di dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan apa-apa pengubahsuaian lain kepadanya atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh badan kawal selia lain seumpamanya dari semasa ke semasa.
- 25.10 Saya/Kami mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan kepada Bank Negara Malaysia, mana-mana pihak berkuasa/badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, mana-mana penjamin/pihak sekuriti, dan/atau peguamnya atau mana-mana ejen pemungut hutang pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti apa-apa maklumat berkaitan dengan hal-ehwal saya/kami, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit) setakat mana dan untuk tujuan yang Bank atas budi bicara mutlaknyanya menganggap perlu dan wajar.
- 25.11 Undang-undang dan peraturan di atas mengawal selia peraturan am bagi pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan dan mungkin berubah bergantung kepada jenis produk Akaun Simpanan.

Terma dan Syarat Khusus

1. **Akaun Simpanan PLUS/Akaun Simpanan Basic/Akaun Simpanan Basic 55**
 - 1.1 Faedah dikira atas baki harian dalam akaun pada kadar faedah semasa dan dikreditkan ke dalam akaun setiap setengah tahun pada 30 Jun dan 31 Disember.
2. **Akaun Simpanan 50 PLUS**
 - 2.1 Faedah ditambah secara harian dan dikreditkan dalam akaun pada akhir setiap bulan.
 - 2.2 Akaun Simpanan ini adalah untuk pelanggan yang berumur lima puluh (50) tahun dan ke atas. Akaun Simpanan bersama hendaklah dibenarkan dengan syarat salah seorang pendeposit berumur lima puluh (50) tahun dan ke atas.
3. **Akaun PB Savelink**
 - 3.1 Faedah atas baki harian dalam akaun pada kadar faedah semasa dan dikreditkan dalam akaun pada akhir setiap bulan.
 - 3.2 Mata ganjaran BonusLink akan diberi berdasarkan struktur pengeluaran mata ganjaran BonusLink seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Mata ganjaran BonusLink tidak akan diberi kepada pelanggan dan/atau orang di bawah umur bagi bulan apabila akaun tersebut ditutup.
 - 3.3 Dengan ini saya/kami tanpa boleh batal dan tanpa syarat bersetuju untuk tidak memudaratkan dan menanggung rugi Bank (pemegang hak milik yang kemudiannya dan penerima serah haknya) daripada dan terhadap semua tindakan, saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan apa juga yang ditanggung oleh Bank yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank berikutan penggunaan Kad BonusLink oleh orang yang di bawah umur.
4. **Akaun Simpanan WISE**
 - 4.1 Akaun Simpanan ini adalah untuk orang yang berumur di bawah umur lapan belas (18) tahun.
 - 4.2 Faedah ditambah secara harian dan dikreditkan ke dalam akaun pada lima belas hari bulan (15hb) setiap bulan.
 - 4.3 Pindahan dana bulanan automatik tanpa had melalui Arahan Tetap daripada Akaun Simpanan/Semasa ibu bapa tidak dikenakan caj dengan maksimum sebanyak RM1,000.00 bagi setiap pindahan.
 - 4.4 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menukar Akaun Simpanan WISE ini kepada Akaun Simpanan PLUS Bank apabila orang yang di bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun. Pada ketika itu, Terma dan Syarat Akaun Simpanan PLUS Bank termasuk kaedah pengiraan faedah dan kadar faedah akan diterima pakai dengan sewajarnya.

5. **Akaun Simpanan PB MySalary**

- 5.1 Akaun Simpanan ini adalah untuk pengkreditan gaji kakitangan.
- 5.2 Faedah dikira atas baki harian dalam akaun pada kadar faedah semasa dan dikreditkan ke dalam akaun pada akhir bulan.
- 5.3 Bank mempunyai hak mutlak untuk menukar Akaun Simpanan PB MySalary ini kepada Akaun Simpanan PLUS Bank jika tiada urusan niaga pengkreditan ke dalam Akaun Simpanan PB MySalary saya/kami untuk tempoh berterusan tidak kurang dari tiga (3) bulan, maka Terma dan Syarat Akaun Simpanan PLUS Bank termasuk cara pengiraan faedah dan kadar faedah hendaklah diterima pakai dengan sewajarnya.
- 5.4 Penukaran akaun daripada Akaun Simpanan lain kepada Akaun Simpanan PB MySalary adalah tidak dibenarkan.
- 5.5 Terma dan Syarat yang berkaitan dengan Faedah Bonus yang perlu dibayar adalah seperti yang berikut:-
 - 5.5.1 Faedah Bonus pada kadar faedah bonus semasa bagi faedah bulanan yang diperolehi akan dibayar dalam tempoh satu bulan pada setiap akhir bulan jika minimum tiga (3) Pembayaran Bil melalui Perbankan Dalam Talian (PBe) atau Perbankan Mudah Alih (PB engage) Bank dibuat menggunakan Akaun Simpanan ini kepada mana-mana organisasi pembilan yang mengambil bahagian yang terdapat dalam PBe atau PB engage dalam tempoh satu bulan kalendar.
 - 5.5.2 Pembayaran bil merujuk pada urusan niaga yang dijalankan menggunakan fungsi Pembayaran Bil dan JomPay dalam PBe atau PB engage yang mana akaun bil didebitkan daripada Akaun Simpanan ini. Cara pembayaran yang lain seperti pembayaran di kaunter atau pembayaran melalui ATM dsbnya tidak layak untuk menikmati Faedah Bonus.
 - 5.5.3 Faedah Bonus ditawarkan berdasarkan setiap Akaun.
 - 5.5.4 Akaun Simpanan ini mungkin layak untuk Faedah Bonus dalam salah satu bulan kalendar tetapi mungkin tidak layak untuk Faedah Bonus pada bulan berikutnya disebabkan oleh terdapatnya mana-mana keperluan yang tidak dipenuhi bagi mendapatkan Faedah Bonus.
 - 5.5.5 Faedah Bonus boleh dibayar sehingga maksimum Baki Purata Akaun Setiap Bulan (MAAB) sebanyak RM50,000.00 untuk setiap akaun.
 - 5.5.6 Bagi Akaun Simpanan PB MySalary yang ditukarkan kepada akaun yang bukannya Akaun Simpanan PB MySalary dan kemudiannya ditukarkan semula kepada Akaun Simpanan PB MySalary, akaun tersebut tidak layak untuk Faedah Bonus jika pada bila-bila masa dalam bulan berkenaan, akaun tersebut bukannya Akaun Simpanan PB MySalary.
 - 5.5.7 Untuk apa-apa urusan niaga pembayaran bil yang kemudiannya dibatalkan, ditiadakan atau dibalikkan, pelarasan yang berkenaan akan dibuat. Sekiranya pelarasan tidak dibuat, Bank berhak untuk menarik balik akaun Faedah Bonus yang telah dikreditkan.
 - 5.5.8 Sekiranya Akaun Simpanan ditutup atau ditukarkan kepada akaun lain sebelum pengkreditan Faedah Bonus, akaun tersebut tidak layak untuk mendapat Faedah Bonus.
 - 5.5.9 Pengumpulan Pembayaran Bil pada bulan yang berlainan/berikutnya adalah tidak dibenarkan.
 - 5.5.10 Faedah Bonus dikira berdasarkan MAAB yang berikut:-

MAAB	=	Jumlah baki pada akhir hari bagi bulan kalendar / Bilangan hari*
Faedah Bonus	=	MAAB x Kadar faedah bonus semasa setahun x (Bilangan hari* / Bilangan hari dalam setahun)

* Bilangan hari dikira seperti yang berikut:-

- a) **Akaun baharu yang dibuka:-**
Mulai hari Akaun Simpanan ini dibuka sehingga hari terakhir dalam bulan Kalendar berkenaan. Untuk bulan berikutnya, bilangan hari adalah jumlah hari dalam bulan kalendar berkenaan.
 - b) **Akaun sedia ada:-**
Bilangan hari adalah jumlah hari dalam bulan kalendar berkenaan.
- 5.5.11 Bank berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menyemak Faedah Bonus Akaun Simpanan ini pada bila-bila masa.
 - 5.5.12 Sekiranya semakan Faedah Bonus berkuat kuasa pada mana-mana tarikh selepas hari pertama bulan yang berkenaan, Faedah Bonus yang diterima pakai bagi bulan tersebut akan diproratakan mengikut budi bicara Bank.
 - 5.5.13 Terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Terma dan Syarat PBe dan PB engage yang boleh didapati dalam laman web Bank.

6. Akaun Simpanan PB UnionPay

- 6.1 Akaun Simpanan ini adalah untuk individu berumur dua belas (12) tahun dan ke atas.
- 6.2 Orang di bawah umur yang berumur antara dua belas (12) hingga tujuh belas (17) tahun dibenarkan untuk membuka akaun bersama dengan syarat pemegang akaun yang satu lagi adalah ibu atau bapa orang di bawah umur/penjaga berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas. Untuk akaun itu, hanya ibu atau bapa orang di bawah umur/penjaga akan diberi akses kepada Perkhidmatan PBe.
- 6.3 Individu layak untuk memohon Perkhidmatan PBe apabila membuka Akaun Simpanan PB UnionPay. Bagaimanapun, akses kepada PBe hanya diberikan kepada individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 6.4 Faedah dikira atas baki harian dalam akaun pada kadar faedah semasa dan dikreditkan dalam akaun pada akhir bulan.
- 6.5 Pengiraan faedah tertakluk pada baki akaun tertunggak khusus.
- 6.6 Rebat tunai akan diberi tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:-
 - 6.6.1 Amaun minimum Baki Purata Bulanan perlu dikekalkan.
 - 6.6.2 Tiada urusan niaga melalui kaunter dibuat dalam tempoh satu bulan berkenaan.
- 6.7 Bank berhak atas budi bicara mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah, meminda atau menyemak rebat tunai dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dan tanpa memberi apa juga sebab untuknya.
- 6.8 Kad Debit PB UnionPay Lifestyle akan dikeluarkan apabila akaun dibuka.
- 6.9 Individu boleh memilih untuk membuka Akaun Simpanan dengan buku simpanan atau tanpa buku simpanan (e-Penyata bulanan boleh didapati melalui PBe) untuk Akaun Simpanan ini.

Jika berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]